

Koleksi Perdana

ISSN: 1823-4879 Jilid: 5 Bil: 2 Jul - Dis 2009

Koleksi Perdana diwujudkan untuk menyediakan sumber rujukan dan penyelidikan kepada tenaga pengajar dan para pelajar Universiti khasnya disamping masyarakat setempat amnya. Selain itu, koleksi ini juga diwujudkan dengan tujuan untuk mengumpul bahan sama ada berbentuk buku, monograf dan multimedia yang berkaitan dengan Perdana Menteri Malaysia dahulu dan kini. Dengan adanya koleksi ini, Perpustakaan UMS akan menjadi pusat rujukan kepada sejarah pemerintahan, idea dan pemikiran Perdana Menteri Malaysia dahulu dan kini. Dengan itu, Perpustakaan UMS secara tidak langsung akan menjadi pemangkin ke arah meningkatkan pengetahuan generasi muda yang bakal menjadi pelapis kepada pucuk pimpinan Negara. Perpustakaan kini sedang giat membuat pengumpulan bahan-bahan yang berkaitan untuk memantapkan lagi koleksi ini. Sehingga November 2009, koleksi ini mempunyai sejumlah 1159 naskah bahan. Koleksi ini ditempatkan di Aras 2 bangunan Perpustakaan UMS. Pengguna boleh mengakses bahan-bahan tersebut melalui terminal OPAC yang disediakan oleh Perpustakaan ataupun

melalui iPortal Perpustakaan di alamat <http://webvirtua.ums.edu.my/>. Bahan-bahan koleksi perdana ini hanya untuk rujukan di dalam Perpustakaan sahaja dan tidak boleh dipinjam keluar.



Walau bagaimanapun, pengguna boleh meminjam bahan tersebut sekiranya terdapat salinan bagi bahan tersebut yang ditempatkan di koleksi Am.